

Rekod Pengemaskinian Dokumen

Versi	Tarikh	Dicadang oleh	Diperaku oleh	Dilulus oleh	Ringkasan Perubahan
1	16 Jan 2019	PPDM	JDM	PBPU	Kelulusan dasar data dan maklumat UMS.



1.0 TUJUAN

Menyatakan tanggungjawab pihak yang terlibat dengan penyediaan, pengesahan dan pengeluaran data dan maklumat di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

2.0 SKOP

Skop dasar ini meliputi tanggungjawab JFPIU dan Pusat Pengurusan Data Dan Maklumat (PPDM) berkaitan ciri utama, penyelarasan, pengumpulan dan penghantaran data dan maklumat UMS.

3.0 CIRI-CIRI UTAMA DATA DAN MAKLUMAT

Data dan maklumat hendaklah memenuhi kriteria tersebut:

3.1 Kerahsiaan

Maklumat tidak boleh didedahkan sewenang-wenangnya atau dibiarkan diakses tanpa kebenaran selaras dengan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010** dan **MS ISO 27001:2013 (ISMS)**.

3.2 Integriti

Data dan maklumat hendaklah tepat dan lengkap. Ia hanya boleh diubah dengan cara yang dibenarkan selaras dengan **MS ISO 27001:2013 (ISMS)**.

3.3 Ketersediaan

Data dan maklumat universiti hendaklah tersedia dan boleh diakses pada bila-bila masa melalui peraturan yang sedia ada.

3.4 Dikemaskini

Data dan maklumat universiti hendaklah sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.

4.0 PENYELARASAN DATA DAN MAKLUMAT

Data dan maklumat UMS hendaklah dibincangkan di dalam Jawatankuasa Data Dan Maklumat UMS (JDM).

Jawatankuasa Data Dan Maklumat UMS (JDM) berperanan untuk:

4.1 Melaksanakan visi dan arah tuju pengurusan data dan maklumat UMS.

- 4.2 Merancang strategi, dasar dan pemantauan pelaksanaan dasar data dan maklumat.
- 4.3 Memantau proses penyediaan, pengesahan, pengeluaran dan aspek teknikal berkaitan data dan maklumat.
- 4.4 Mencadangkan penambahbaikan proses pengurusan dan teknikal data dan maklumat.
- 4.5 Memantau pelaksanaan perkongsian, penyampaian data dan maklumat universiti dengan pihak ketiga.
- 4.6 Memantau proses analisis dan penghasilan laporan data dan maklumat.
- 4.7 Memantau klasifikasi kerahsiaan data dan maklumat universiti.
- 4.8 Memantau pengemaskinian data dan maklumat universiti dari semasa ke semasa.

5.0 PENGUMPULAN DATA DAN MAKLUMAT UMS

- 5.1 JFPIU hendaklah menyediakan dan menghantar data dan maklumat yang ada kepada Pusat Pengurusan Data Dan Maklumat.
- 5.2 Tanggungjawab pengesah data dan maklumat adalah tanggungjawab JFPIU.
- 5.3 JFPIU hendaklah menamakan pegawai pengesah data dan maklumat kepada pihak PPDM.
- 5.4 JFPIU hendaklah menambah data dan maklumat jika diperlukan oleh Pusat Pengurusan Data Dan Maklumat mengikut kelulusan Jawatankuasa Data Dan Maklumat UMS.
- 5.5 Proses pengumpulan data dan maklumat adalah secara atas talian kecuali data dan maklumat yang dibenarkan mengikut kelulusan Jawatankuasa Data Dan Maklumat UMS.
- 5.6 Data dan maklumat hendaklah dikumpulkan secara berterusan dan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.

6.0 PENGHANTARAN DATA DAN MAKLUMAT UMS

- 6.1 Penghantaran data dan maklumat ke agensi luar yang melibatkan kerahsiaan data perlu mendapat kelulusan Naib Canselor atau wakil.
- 6.2 Mana-mana data yang dihantar ke luar perlu ditentukan oleh PPDM

- 6.3 Penghantaran data dan maklumat adalah tanggungjawab PPDM. Walaubagaimanapun, pihak JFPIU boleh menghantar data dengan kelulusan Jawatankuasa Data Dan Maklumat UMS.
- 6.4 Data dan maklumat yang dihantar hendaklah data yang terkini melainkan dinyatakan tarikh akhir data oleh pemohon.

7.0 PEMATUHAN

Mana-mana pihak yang gagal mematuhi dasar ini boleh dikenakan tindakan mengikut kesesuaian yang diputuskan oleh Jawatankuasa Data Dan Maklumat UMS.